

27 SEP 2002

TMNET-JAURLEBAR/I

TM NET GESA SYARIKAT TEMPATAN GALAK INDUSTRI KANDUNGAN INTERNET

CYBERJAYA, 27 Sept (Bernama) -- TM Net Sdn Bhd, pembekal perkhidmatan internet utama Malaysia, menggesa syarikat-syarikat Teknologi Maklumat tempatan atau firma perisian supaya menghasilkan pelbagai kandungan dan aplikasi internet.

Pengarah TM Net, Datuk Dr Abdul Rahim, berkata TM Net ingin menggalakkan syarikat-syarikat tempatan menghasilkan apa juga kandungan kreatif sama ada permainan atau hiburan.

"Kita boleh menaikkan industri kandungan di Malaysia. Pada masa lalu, mereka mahu membuatnya tetapi saluran pengedaran tidak ada," beliau memberitahu pemberita selepas menyaksikan pemeteraian eprjanjian perkongsian antara TM Net dan FSBM M2B Sdn Bhd.

Perjanjian itu adalah untuk membangunkan saluran hiburan jalur lebar premium untuk melengkapkan dan meningkatkan IChoose, saluran jalurlebar sedia ada TM Net, melalui BlueHyppo bagi pelanggan-pelanggan streamyxnya.

Dr Abdul Rahim berkata Telekom Malaysia, melalui TM Net telah melabur sejumlah besar wang untuk membangunkan platform internet di Malaysia, menghubungkannya ke setiap bahagian dunia.

Telekom telah memperuntukkan RM2 bilion bagi infrastruktur dan RM300 juta adalah untuk TM Net.

Pelanggan internet TM Net adalah lebih daripada sejuta dan mereka akan merupakan jumlah kritikal yang tepat bagi sesiapa yang menghasilkan aplikasi mereka.

Katanya ini adalah masa yang tepat, kerana kerajaan teramsuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri menggalakkan pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Terdahulu, di dalam ucapannya, Dr Abdul Rahim berkata TM Net sedang berkerja rapat dengan FSBM dan upacara hari ini adalah untuk memeterai perkongsian strategik antara mereka.

"Kami memahami langkah itu adalah untuk memajukan perkongsian dengan FSBM untuk membangunkan pengalaman jalur lebar yang mengembirakan dan memenuhi selera."

E-lane, saluran baru Jalurlebar interaktif TM Net dengan empat saluran, adalah di dalam iChoose dan pada awalnya akan mengadakan kandungan 20 jam terdairi daripada lebih 30 pertunjukan.

Gabungan kandungan adalah di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia serta bahasa-bahasa lain. Ia mengandungi program hiburan seperti komidi, sitcom, musik, pertunjukan variti, lidah pengarang, maklumat laman web, perniagaan dan pendidikan. -- BERNAMA

TNS SD OS